

14 APR 1997

FIRMA NEGERI SELANGOR TERJEJAS OLEH PELETAKAN JAWATAN MUHAMMAD

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Harga-harga saham syarikat tersenarai yang berkaitan dengan agensi milik kerajaan negeri Selangor atau dengan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib terjejas berikutan peletakan jawatan beliau sebagai Menteri Besar Selangor hari ini.

Peletakan jawatan beliau juga mencetuskan spekulasi tentang perubahan lembaga syarikat-syarikat seperti Worldwide Holdings Bhd (WHB), SAP Holdings Bhd dan Bridgecon Bhd, syarikat-syarikat di mana kerajaan negeri memegang kepentingan yang besar atau yang berkaitan dengan keluarga Muhammad.

SAP jatuh 25 sen kepada RM7.75 dengan 48 lot diniagakan, WHB susut 18 sen kepada RM13.44 dengan 99 lot diniagakan dan Bridgecon mencatat kejatuhan terbesar apabila ia menjunam RM2.40 kepada RM19.00 dengan hanya sembilan lot diurus niaga.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan hasrat Muhammad untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Sabtu lalu.

Peletakan jawatan beliau adalah ekoran perbicaraannya yang akan dijalankan di mahkamah Australia Ogos tahun ini.

Penganalisis berkata pasaran telahpun beberapa lama menjangkakan peletakan jawatan Muhammad ini.

Menyentuh tentang kemungkinan berlaku rombakan pengurusan WHB, SAP Holdings dan Bridgecon, seorang penganalisis berkata ini hanyalah spekulasi; sebarang perubahan akan bergantung kepada bagaimana jawatan itu berkaitan dengan pejabat Menteri Besar.

Misalnya, beberapa anggota keluarganya berhak memegang jawatan secara peribadi bukan atas arahan Muhammad.

Seorang peniaga berkata mujurlah SAP, WHB dan Bridgecon bukan kaunter mewah, kerana jika demikian ia boleh menarik turun Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur.

Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur hari ini merosot 37.27 mata atau 3.27 peratus kepada 1,101.09.

Sementara itu, pemerhati pasaran juga berkata ketiga-tiga kaunter yang terjejas itu juga mengalami tekanan daripada sentimen lemah di bursa tempatan dan Wall Street.

Sesetengah pihak berpendapat pasaran akan terus dihantui hakikat bahawa Muhammad masih lagi memegang jawatan penting dalam UMNO kerana beliau masih belum melepaskan jawatannya sebagai Naib Presiden UMNO.

"Mereka berpendapat jika Muhammad terpaksa meletakkan jawatan bagi menyelamatkan imej parti, beliau perlulah juga melepaskan jawatannya dalam parti," kata seorang penganalisis.

Seorang peniaga berkata, pengurus-pengurus dana tidak begitu senang dengan ketidaktentuan dan spekulasi tentang jawatan beliau dalam parti dan siapa yang akan menggantikan beliau. Ini semua merupakan faktor yang boleh menjejaskan ketabilan bursa tempatan. -- BERNAMA

AD KY MA